UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
*The National University of Malaysia*

**JABATAN BENDAHARI • *BURSAR'S DEPARTMENT***

Rujukan : UKM BEN 100-1/3/3
Tarikh : 26 Februari 2020

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PENYATA PENDAPATAN TAHUNAN 2019 DAN PENGHANTARAN BORANG CUKAI INDIVIDU/ SISTEM e-FILING**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Penyata Pendapatan Tahunan 2019 boleh dicapai melalui Sistem Saraan Kakitangan di pautan https://appsmu.ukm.my/saraan (menu: Individu - Penyata Tahunan) atau capaian melalui Gerbang Warga https://warga.ukm.my (menu: Perkhidmatan - Gaji dan Elaun) mulai 28 Februari 2020.

3. Sehubungan dengan itu, pembayar cukai bertanggungjawab untuk mengisi dan mengemaskini borang Cukai Pendapatan Individu (Borang BE)/e-Filing yang telah ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Perincian maklumat berkaitan e-Filing boleh didapati dengan melayari laman web LHDN iaitu http://www.hasil.gov.my dan panduan e-Filing di https://ez.hasil.gov.my. Pembayar cukai hendaklah mengemukakan Borang BE/e-Filing selewat-lewatnya **sebelum atau pada 30 April 2020**.

4. Sebarang bantuan dan pertanyaan berkenaan perkara ini boleh menghubungi pegawai berikut;

i. Unit Gaji, Jabatan Bendahari (Bangi)
   a. Encik Amiri Bin Mustaffa, 03-8921 5028
   b. Encik Muhammad Azri Bin Md Rasid, 03-8921 5454

ii. Unit Bayaran Kakitangan, Jabatan Bendahari (Kampus Kuala Lumpur)
   a. Puan Raja Zuriatun Nur Binti Raja Abas, 03-9145 6945
   b. Puan Norain Binti Jamiat, 03-9145 6540

Sukacita sekiranya surat edaran ini dapat disampaikan kepada semua pegawai dan kakitangan seliaan. Kerjasama Y.Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

***"Akauntabiliti Pegangan Kita"***

Yang benar,

**NORINI MOHAMAD**
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

s.k - Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
- Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat)
- Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)
- Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
- Pendaftar, UKM